

**SOALAN NO.: 25**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL  
SAMAD**

**KAWASAN : SHAH ALAM**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2014, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM) minta  
MENTERI KERJA RAYA menyatakan adakah pihak kementerian  
bercadang untuk memansuhkan Tol Batu Tiga dan Sungai Rasau.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan setakat ini tidak berhasrat untuk menghapuskan kutipan tol di Plaza Tol Batu Tiga, Shah Alam dan Sg. Rasau, Klang. Berdasarkan kajian yang dibuat pada tahun 2012, cadangan pemansuhan kutipan tol di kedua-dua plaza tol tersebut akan melibatkan implikasi kewangan yang sangat tinggi kepada Kerajaan. Di samping itu, ia juga memberi kesan terhadap pengurangan trafik di lebuh raya berhampiran (KESAS) berikutan timbul isu peralihan trafik daripada lebuh raya bertol kepada lebuh raya tidak bertol.

Namun demikian untuk mengurangkan beban kewangan kepada pengguna, Kerajaan telah memutuskan untuk mengekalkan kadar tol di kedua-dua plaza tol tersebut sejak tahun 2005 walaupun perjanjian konsesi PLUS telah disemak semula pada tahun 2008 dan 2011. Ini bermakna pengguna masih menikmati kadar tol yang lebih rendah di kedua-dua plaza tol tersebut berbanding kadar tol yang sepatutnya mengikut perjanjian konsesi. Di samping itu, Kerajaan juga dari masa ke semasa sentiasa berunding dengan pihak konsesi tol sedia ada untuk memastikan kadar tol di lebuh raya negara ini tidak membebankan pengguna.

Sekian. Terima kasih.